

19 AUG 1997

Umno-Annuar

LIMA BAHAGIAN UMNO DI KELANTAN BERMASALAH

KOTA BAHARU, 19 Ogos (Bernama) -- Lima daripada 14 bahagian Umno di Kelantan telah dikenal pasti mempunyai masalah dalaman yang boleh menjejaskan perjuangan parti itu pada masa depan, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa.

Beliau berkata antara masalah itu ialah kepimpinan yang tidak sehaluan antara ketua cawangan dan ketua bahagian serta sikap ego pemimpin dengan anggota peringkat bawahan.

Masalah lima bahagian itu boleh menjejaskan perjuangan Umno untuk menawan semula Kelantan daripada Pas kerana rakyat benci dengan sikap pemimpin mereka, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini hari ini.

Annuar berkata, masalah lima bahagian itu dibincangkan secara mendalam dalam mesyuarat hari ini yang memutuskan satu pendekatan baru perlu diterapkan ke dalam bahagian-bahagian berkenaan.

Pendekatan itu termasuklah untuk meminimumkan kesan-kesan yang akan berlaku selepas pertandingan merebut beberapa jawatan penting dalam setiap bahagian, katanya.

"Personaliti pemimpin yang kini kurang disenangi penduduk di bahagian masing-masing perlu diubah segera dan Badan Perhubungan Umno Kelantan akan memastikan perubahan itu dapat dilakukan secepat mungkin," katanya.

Katanya, antara faktor kejayaan Barisan Nasional (BN) menewaskan Pas dan Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Semerak pada 11 Ogos lepas, adalah perpaduan dan kerjasama di kalangan pemimpin.

Berikutan kemenangan itu, Annuar berkata Umno Kelantan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk memberi perhatian khusus bagi melaksanakan agenda menawan semula Kelantan daripada Pas.

Annuar berkata, konvensyen Umno Kelantan di Semerak akhir bulan ini merupakan usaha untuk menawan semula Kelantan dan menyediakan perancangan untuk membawa kemakmuran kepada rakyat.

Konvensyen itu akan dirasmikan Annuar pada 28 Ogos manakala penutupannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Ogos. -- BERNAMA

BD NMO